



## "ZAKAT SATU KEWAJIPAN".1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ ﴿٥٥﴾
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
4	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١١٤﴾ <sup>1</sup>
5	<b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b>  Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya, semoga kita akan mendapat keredaan Allah SWT didunia dan diakhirat.
6	Khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk " <b>ZAKAT SATU KEWAJIPAN</b> ".  <b>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</b>

<sup>1</sup> Ali Imran : 102.



<p>Tahun 2020 ini, Covid-19 menjadi ujian terberat buat kita. Menurut kajian pelbagai pihak, ratusan ribu orang hilang pekerjaan, ribuan perniagaan terjejas dan menyebabkan jumlah pertambahan kemiskinan luar jangka. Lembaga Zakat Selangor sendiri menjangkakan berlaku peningkatan kemiskinan sebanyak 20 peratus pada tahun ini.</p>	7
<p>Semua ini menuntut kita untuk bertanya, apakah peranan yang patut kita sama-sama mainkan? Pihak kerajaan telah berusaha sedaya mampu untuk meminimumkan kesan pandemik ini, begitu juga peranan LZS dan lain-lain institusi kebajikan, sentiasa berusaha memastikan impaknya tidak menjerumuskan umat Islam ke dalam kancuh kerosakan yang parah. Maka, bagaimana pula dengan peranan kita? Sidang jemaah sekalian, Pada tahun 18 Hijrah ketika berdepan dengan tahun kemarau (عَامُ الرَّمَادَةِ) di Madinah, Umar al-Khattab Radiallahuanhu telah meminta para gabenor di pelbagai wilayah seperti Yaman dan Syria untuk sama-sama meringankan beban penduduk di Madinah. Ini menjelaskan, dalam Islam kita wajib mengamalkan sifat tolong-menolong apatah lagi ketika ada dalam kalangan kita yang amat memerlukan.</p>	8
<p>Hadis daripada Abdullah bin Umar Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>المُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ</p>	9



<p><i>“Seorang Muslim adalah saudara terhadap Muslim, dia tidak boleh menganiaya dan tidak akan dianiaya oleh orang lain. Sesiapa yang melaksanakan hajat saudaranya, maka Allah SWT akan melaksanakan hajatnya. Sesiapa yang melapangkan kesusahan seseorang Muslim, maka Allah SWT akan melapangkan kesukarannya pada hari kiamat. Sesiapa yang menutupi aib seseorang Muslim, maka Allah SWT akan menutup aibnya pada hari kiamat.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari dan Muslim) .</i></p>	10
<p>Iniilah yang perlu kita lakukan dengan penuh kesedaran, iaitu menghulurkan tangan meringankan beban. Dalam Islam, zakat adalah saluran yang sangat tepat untuk memenuhi keperluan sesama umat. Ini kerana, zakat memastikan hanya mereka yang benar-benar ditimpa kesusahan akan dibantu. LZS dalam hal ini bertindak proaktif mengesan kewujudan orang-orang miskin untuk membantu mereka dengan segera.</p> <p><b>Muslimin yang dirahmati Allah SWT,</b></p>	11
<p>Sejak pandemik melanda, LZS telah menyalurkan bantuan zakat lebih dari RM232 juta kepada umat Islam yang terkesan, khususnya kepada lebih 60,000 buah keluarga fakir miskin dan muallaf di negeri Selangor. Hakikatnya, ini adalah satu komitmen yang sangat besar dan berpanjangan sifatnya.</p>	12
<p>Namun begitu, seiring dengan tempoh pandemik yang tidak berkesudahan, LZS mendapati bahawa keperluan zakat terus meningkat; sedangkan dana zakat yang ada adalah terbatas. LZS bimbang jika satu masa nanti, dana zakat tidak lagi mampu menampung keperluan ini. Dalam pada itu, fenomena pandemik ini turut menjejaskan pelbagai sektor ekonomi. Selangor sebagai negeri termaju menerima kesan langsung yang sangat hebat. Ribuan pekerja diberhentikan, malah banyak perniagaan merudum. Kesannya, kutipan zakat turut terganggu dan paling membimbangkan, mereka yang terjejas ini boleh berubah statusnya menjadi orang miskin. Bayangkan, di saat kutipan zakat berisiko jatuh, jumlah kemiskinan pula bertambah. Pasti senario ini cukup membimbangkan kita semua.</p>	13



<p>Oleh itu, marilah kita sama-sama membantu menangani fenomena ini. Tunaikanlah zakat kita di Lembaga Zakat Selangor dan yakinlah bahawa setiap sen zakat yang kita berikan itu, akan menjadi saksi di hari akhirat nanti. Hadis daripada Abu Malik Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>وَالصَّلَاةُ نُورٌ وَالصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ وَالصَّبْرُ ضِيَاءٌ وَالْقُرْآنُ حُجَّةٌ لَكَ</b></p>	14
<p style="text-align: center;"><i>“Solat itu cahaya, sedekah (zakat) itu bukti, sabar itu sinaran cahaya (dan) al-Quran menjadi hujah kepada kamu. “</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p> <p><b>Hadirin sekalian,</b></p>	15
<p>Sesungguhnya dalam fenomena yang menguji keimanan ini, marilah kita sematkan dalam hati bahawa zakat yang kita tunaikan itu adalah satu benih kebaikan yang ganjarannya adalah sangat besar, seperti mana yang ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 277:</p> <p style="text-align: center;"><b>إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَعَاتَوْا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾</b></p>	16
<p><i>“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mengerjakan solat serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita”.</i></p>	17



<p>Di dalam ayat di atas, Allah SWT telah menyatakan bahawa orang-orang yang menunaikan zakat maka mereka mendapat jaminan daripada Allah SWT dalam tiga perkara, iaitu mendapat pahala di sisi Allah SWT, tidak merasa bimbang dengan kehidupan di dunia dan mereka tidak pula akan merasa berdukacita. Mudah-mudahan, zakat kita itu menjadi punca datangnya bantuan daripada Allah SWT kepada kita, diluaskan pintu rezeki, dijauhkan daripada musibah juga bencana dan dipermudahkan segala urusan dunia dan akhirat. Lembaga Zakat Selangor sentiasa bersedia menggalas amanah zakat anda. Lakukanlah pembayaran zakat melalui atas talian (on-line) kerana ia lebih menjamin keselamatan dan lebih memudahkan.</p>	18
<p><b>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p> <p>Data yang diberikan oleh pihak LZS, setakat tahun 2019, jumlah yang tampil menunaikan zakat di LZS masih rendah. Daripada 3.9 juta penduduk Muslim di Selangor, hanya seramai 311 ribu orang yang tampil berzakat. Jika diambil angka yang lebih sederhana, iaitu anggaran 1.6 juta umat Islam Selangor yang layak dan berpotensi membayar zakat, tetap sahaja angka 311 ribu itu masih di tahap amat sederhana.</p> <p>Pun begitu, kita bersyukur kepada Allah SWT kerana Selangor tetap mencatat kutipan tertinggi di Malaysia iaitu RM855 juta. Malah Selangor turut menjadi negeri paling tinggi mengagih zakat, iaitu terdiri daripada hampir 60 ribu keluarga fakir, miskin dan muallaf serta ratusan ribu asnaf lain. Malah, secara keseluruhannya lapan asnaf zakat telah menerima santunan lebih RM868.2 juta di Selangor. Inilah bukti komitmen LZS dalam memastikan zakat dikutip dan diagihkan dengan berkesan.</p>	19



<p><b>Para hadirin yang mulia,</b></p> <p>Kesimpulan yang kita boleh perolehi daripada khutbah kali ini ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam wajib meyakini bahawa segala kewajipan dan perintah Allah yang dilakukan di dunia ini bakal mendapat ganjaran daripada Allah SWT pada hari akhirat.</li><li>2. Umat Islam wajib menunaikan zakat apabila cukup syarat-syaratnya.</li><li>3. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa dengan membayar zakat akan mengundang pertolongan daripada Allah SWT dalam kehidupan kita.</li><li>4. Umat Islam di Negeri Selangor hendaklah membayar zakat di Lembaga Zakat Selangor kerana telah terbukti amat komited dalam menyampaikan zakat kepada asnaf yang berhak.</li></ol>	20
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ</p> <p style="text-align: center;">عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٤﴾</p>	21
<p><i>“Orang-orang yang membelanjakan (menzakatkan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka pula tidak akan berdukacita”.</i></p> <p style="text-align: right;">(al-Baqarah : 274).</p>	22
<p style="text-align: center;">بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ</p> <p style="text-align: center;">الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	23
<p style="text-align: center;">أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،</p> <p style="text-align: center;">فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	24



## KHUTBAH KEDUA


<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpul mati. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	4
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	5



6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،
8	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
9	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج
10	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
11	Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.
12	اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.





	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٧٧﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15